



KENYATAAN MEDIA

LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (31)

BALAI SENI NEGARA SEDIA TERIMA EMPAT KARYA SENI 1MDB

Balai Seni Negara menyambut baik dan bersedia menerima empat karya seni yang telah berjaya dibawa pulang, berkait skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), seperti yang diumumkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam sidang media hari ini. Sidang media tersebut turut dihadiri oleh YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara.

Sehubungan itu, proses penyerahan empat lukisan yang dijadualkan minggu hadapan akan dilaksanakan secara teliti dan berfasa bagi memastikan setiap aspek pengendalian dipatuhi dengan sempurna. Persiapan rapi turut melibatkan fasiliti penyimpanan dan pemuliharaan, termasuk ruang konservasi khusus yang dilengkapi sistem kawalan suhu dan kelembapan yang stabil. Langkah ini penting bagi memastikan karya-karya tersebut berada dalam keadaan optimum serta mematuhi piawai konservasi yang ditetapkan. Aspek keselamatan juga diberikan keutamaan melalui pelaksanaan kawalan yang ketat bagi menjamin setiap karya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terpelihara.

Balai Seni Negara kekal komited untuk memastikan keseluruhan proses pengendalian, penyimpanan dan pemuliharaan dilaksanakan mengikut amalan terbaik serta standard konservasi antarabangsa. Usaha ini adalah selaras dengan tanggungjawab institusi dalam memelihara integriti, nilai sejarah dan kepentingan karya-karya berkenaan untuk rujukan generasi akan datang.

Balai Seni Negara akan memaklumkan dari semasa ke semasa perkembangan berkaitan perancangan pameran karya-karya tersebut kepada khalayak umum. Dalam pada itu, Balai Seni Negara merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta semua pihak yang terlibat atas usaha membawa pulang karya-karya seni tersebut ke tanah air.